

29 MAY 1996

Banharn-Malaysia

JANGAN BIARKAN ISU KECIL MENJEJASKAN HUBUNGAN, KATA BANHARN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Thailand dan Malaysia tidak boleh membiarkan isu-isu kecil yang mungkin timbul menjejaskan hubungan rapat dan mesra antara kedua-dua negara itu, kata Perdana Menteri Thailand, Banharn Silpa-Archa malam ini.

"Kita mesti memastikan isu-isu kecil yang mungkin timbul tidak menjejaskan usaha-usaha kita kerana ianya perkara kecil berbanding dengan hubungan kita, sekarang dan juga di masa depan," kata beliau.

Bercakap di majlis makan malam yang dianjurkan oleh rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana, Banharn berkata adalah perlu untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara sama ada di peringkat dua hala, serantau atau antarabangsa.

Ini kata beliau, adalah penting demi kemakmuran masa depan dan kesejahteraan rakyat Thailand dan Malaysia serta kestabilan dan keselamatan serantau.

Pemimpin Thai itu berkata, hubungan dua hala telah mewujudkan asas yang kukuh bagi kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

-- BERNAMA